

19 APR 2003

Azmi-Perpaduan

AZMI MINTA PEMIMPIN PAS PERTIMBANG SERTAI SEMULA BN

KUALA LIPIS, 19 April (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Azmi Khalid menggesa kepimpinan PAS menimbangkan untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN) bagi mengukuhkan perpaduan umat Islam di negara ini.

Beliau berkata pemimpin PAS harus membuat keputusan yang baik bagi mempersiapkan diri dan bersatu menentang pelbagai ancaman politik, ekonomi dan pengaruh dari barat yang melemahkan umat Islam.

"Telah berlaku di beberapa buah negara Islam yang tidak boleh berbuat apa-apa apabila Amerika berjaya menakluk Iraq dengan menggunakan kekuatan tentera dan senjata canggih," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Lipis di sini hari ini.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memerlukan pemerintahan yang stabil bagi meneruskan pelbagai pembangunan rakyat.

Minggu lepas, Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin membuat saranan serupa dengan berkata ia bertujuan menjayakan semangat memperkuatkan negara dan ummah berikutan perkembangan politik dunia yang kian tidak menentu.

Terdahulu dalam ucapannya, Azmi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata anggota Umno perlu mulai sekarang bersatu mengusahakan kemenangan parti dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kesungguhan dan kerjasama antara anggota Umno merupakan kekuatan Umno dan BN, dan kerajaan akan terus berusaha menjalankan kerja pembangunan bagi membasmi kemiskinan rakyat," katanya.

Selain itu beliau berkata kementerian itu bersetuju memberikan peruntukan sebanyak RM300,000 kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Kuala Lipis bagi membina sebuah pejabat baru di kawasan itu.

Kementerian itu juga akan meluluskan peruntukan RM4 juta bagi membina jalan dari Pos Betau ke Kampung Lenjang sejauh 25 kilometer untuk kemudahan penduduk perkampungan Orang Asli di situ.

-- BERNAMA

ZY LIB RON